

## JABATAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN

### PENGURUSAN AKTIVITI PENANAMAN SAYUR-SAYURAN DAN BUAH-BUAHAN

#### Perkara Utama

##### Apa yang diaudit?

- Projek yang dijalankan oleh JPNK bagi aktiviti penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan adalah Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Projek Pembangunan Industri Sayur-sayuran (PPIS) dan Projek Pembangunan Industri Buah-buahan (PPIB). Objektif TKPM, PPIS dan PPIB adalah seperti berikut:
  - meningkatkan pengeluaran hasil pertanian negeri;
  - mempertingkatkan amalan pertanian baik (MyGAP); dan
  - penjanaan purata pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan bagi peserta TKPM serta RM2,500 hingga RM5,000 sebulan bagi peserta PPIS dan PPIB.
- Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti berkaitan penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan di bawah TKPM, PPIS serta PPIB bagi tahun 2019 hingga 2022.
- Prestasi aktiviti dinilai berdasarkan pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pengurusan aktiviti meliputi peruntukan dan perbelanjaan kewangan, penyelenggaraan rekod pengeluaran hasil tanaman, penyenggaraan lot tanaman, laporan siasatan permohonan dan Surat Aku Janji Pelaksanaan Projek.
- Pencapaian output aktiviti penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan dinilai berdasarkan pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan terpilih dan pensijilan MyGAP.
- Pencapaian keberhasilan dinilai dari aspek pencapaian pendapatan peserta dan maklum balas daripada kajian kepuasan pelanggan.

- |  |  |
|--|--|
| <b>Mengapa ia penting untuk diaudit?</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada aktiviti penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan di bawah TKPM, PPIS dan PPIB telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri iaitu meningkatkan pengeluaran hasil pertanian negeri, peserta mengamalkan MyGAP dan menjana pendapatan peserta.</li></ul>  |
| <b>Apa yang ditemui Audit?</b>           | <ul style="list-style-type: none"><li>• Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan dari segi pencapaian output dan keberhasilan tidak dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat kerana pencapaian pengeluaran empat sayur-sayuran dan sembilan buah-buahan terpilih tidak mencapai sasaran 90% ke atas. Pensijilan MyGAP juga masih rendah dan sasaran supaya peserta mendapatkan purata pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan bagi TKPM dan RM2,500 sebulan bagi PPIS dan PPIB juga tidak dicapai. Bagi pengurusan aktiviti pula terdapat kelemahan dari aspek seperti berikut:<ol style="list-style-type: none"><li>a. <b>Pengurusan TKPM</b><ol style="list-style-type: none"><li>i. Penyelenggaraan Rekod Pengeluaran Hasil Tanaman<ul style="list-style-type: none"><li>• Sebanyak 281 tan metrik pengeluaran tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan bagi tujuh peserta tidak direkodkan dalam sistem maklumat Agris Geoportal bagi tahun 2020 dan 2021.</li><li>• Sebanyak 1,519 tan metrik pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan telah terlebih rekod dalam sistem maklumat Agris Geoportal.</li></ul></li><li>ii. Penyenggaraan Lot Tanaman<ul style="list-style-type: none"><li>• Sebanyak 91 (46%) daripada 198 unit Struktur Pelindung Hujan (SPH) di TKPM Batang Merbau, Tanah Merah yang mengalami kerosakan plastik SPH belum dibaiki.</li><li>• Penyenggaraan kebersihan di kawasan projek bagi tiga unit SPH tidak disenggarakan dengan baik oleh peserta sehingga ditumbuh rumput.</li></ul></li></ol></li></ol></li></ul> |

## **b. Pengurusan PPIS dan PPIB**

- i. Laporan Siasatan Permohonan Tidak Lengkap
  - Jangkaan hasil mengikut kesesuaian kawasan tidak disediakan bagi 170 peserta.
- ii. Surat Aku Janji Pelaksanaan Projek Tidak Disediakan
  - Surat Aku Janji Pelaksanaan Projek bagi 143 (84.1%) daripada 170 peserta tidak disediakan.

### **Apa yang disyorkan Audit?**

- Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan objektif aktiviti dapat dicapai, adalah disyorkan pihak terlibat mengambil tindakan seperti berikut:
  - JPNK perlu memastikan rekod pengeluaran hasil tanaman direkodkan dengan tepat dalam sistem maklumat Agris Geoportal;
  - pembaikan SPH yang rosak dan penyenggaraan kebersihan lot tanaman perlu dilaksanakan dengan baik agar peserta dapat menjalankan aktiviti penanaman dengan lebih optimum;
  - JPNK perlu memastikan laporan siasatan permohonan disediakan dengan lengkap merangkumi jangkaan hasil setiap peserta; dan
  - JPNK perlu memastikan semua peserta menandatangani Surat Aku Janji Pelaksanaan Projek bagi PPIS dan PPIB.



# JABATAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN

## 1. PENGURUSAN AKTIVITI PENANAMAN SAYUR-SAYURAN DAN BUAH-BUAHAN

### FAKTA UTAMA

<b>402 Peserta</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• 31 Peserta Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)</li><li>• 159 Peserta Projek Pembangunan Industri Sayur-sayuran (PPIS)</li><li>• 212 Peserta Projek Pembangunan Industri Buah-buahan (PPIB)</li></ul>	<b>853.78 Hektar</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• 371.35 Hektar Keluasan TKPM</li><li>• 151.12 Hektar Keluasan PPIS</li><li>• 331.31 Hektar Keluasan PPIB</li></ul>	<b>RM2.99 Juta</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• RM0.96 Juta Peruntukan TKPM (Kerajaan Persekutuan)</li><li>• RM0.80 Juta Peruntukan PPIS (Kerajaan Negeri)</li><li>• RM1.23 Juta Peruntukan PPIB (Kerajaan Negeri)</li></ul>
<b>Pengeluaran</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• 68,119 tan metrik pengeluaran sayur-sayuran</li><li>• 100,941 tan metrik pengeluaran buah-buahan</li></ul>	
<b>Objektif Projek</b>	<p>TKPM</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Menjana purata pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan</li><li>• Mengamalkan amalan pertanian baik (MyGAP)</li></ul> <p>PPIS dan PPIB</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Meningkatkan purata pendapatan bersih antara RM2,500 hingga RM5,000 sebulan</li><li>• Mengamalkan amalan pertanian baik (MyGAP)</li></ul>	

### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030 (DAN 2.0) digubal dengan visi untuk membangunkan sektor agromakanan yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi dalam usaha memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti makanan dan nutrisi. Penekanan khusus terhadap sekuriti makanan terus diberikan melalui pengukuhan empat subsektor utama sektor agromakanan yang merangkumi padi dan beras; buah-buahan dan sayur-sayuran; ternakan; dan perikanan serta akuakultur untuk meningkatkan tahap sara diri setiap komoditi agromakanan dan pendapatan golongan sasar.

1.2. Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2040 telah menetapkan aktiviti penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan sebagai salah satu penyumbang utama sektor ekonomi dan strategik di negeri ini. Penetapan ini selari dengan Laporan Sosioekonomi Negeri Kelantan Tahun 2021 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang melaporkan sektor pertanian merupakan penyumbang kedua terbesar kepada keseluruhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Kelantan iaitu 22.8%.

1.3. Dasar Bertani Satu Ibadah (DBSI) yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 2011 telah menekankan dua aspek yang berupaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri iaitu pembangunan modal insan dan peningkatan pertanian negeri. Dasar ini juga bermatlamat menjadikan Kelantan sebagai jelapang makanan negara menjelang tahun 2025. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan (JPNK) merupakan jabatan yang dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan dasar tersebut.

1.4. Aktiviti pertanian di negeri Kelantan terbahagi kepada dua kategori iaitu kategori program/projek yang dilaksanakan Dalam Kawasan Projek (Projek) dan kategori program/projek yang dilaksanakan di Luar Kawasan Projek (Luar Projek). Kategori Projek adalah melibatkan petani yang didaftarkan dan mendapat insentif atau bantuan serta khidmat nasihat di bawah program/projek JPNK, manakala kategori Luar Projek pula melibatkan petani yang tidak menerima sebarang insentif atau bantuan daripada JPNK tetapi hanya diberikan khidmat nasihat teknikal sahaja. Antara kategori Projek yang dijalankan oleh JPNK bagi aktiviti penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan adalah Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Projek Pembangunan Industri Sayur-Sayuran (PPIS) dan Projek Pembangunan Industri Buah-buahan (PPIB). Maklumat lanjut dasar dan objektif projek seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**DASAR SERTA OBJEKTIF TKPM, PPIS DAN PPIB**

BIL.	PROJEK	DASAR	OBJEKTIF	SUMBER PERUNTUKAN
1.	TKPM	Dilaksanakan di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) untuk mentransformasikan sektor pertanian dengan menggalakkan pelaksanaan projek pertanian berskala besar, komersil dan berteknologi tinggi oleh usahawan termasuk sektor swasta.	i. Menjana purata pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan. ii. Mengamalkan amalan pertanian baik (MyGAP).	i. Dibayai oleh Kerajaan Persekutuan. ii. Kerajaan Negeri menyediakan kawasan tanah bersesuaian dan mewartakan sebagai tapak TKPM.
2.	PPIS dan PPIB	Merupakan sebahagian daripada Projek Pembangunan JPNK yang dilaksanakan bagi mencapai matlamat program dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN) selaras menjadikan negeri Kelantan sebagai jelapang makanan dan menyumbang dalam pengeluaran hasil tanaman makanan.	i. Meningkatkan purata pendapatan bersih antara RM2,500 hingga RM5,000 sebulan. ii. Mengamalkan amalan pertanian baik (MyGAP).	i. Dibayai oleh Kerajaan Negeri. ii. Peserta menyediakan kawasan tanah bersesuaian.

Sumber: Garis Panduan Pembangunan TKPM dan Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pembangunan JPNK

1.5. Sehingga tahun 2022, Kerajaan Negeri Kelantan telah mewartakan empat lokasi seluas 371.35 hektar (ha) sebagai tapak TKPM yang melibatkan seramai 31 peserta. Maklumat pewartaan TKPM seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2  
PEWARTAAN TKPM DI NEGERI KELANTAN SEHINGGA TAHUN 2022**

BIL.	LOKASI	TAHUN WARTA	LUAS (Hektar)	BIL. PESERTA
1.	Telong, Bachok	2001	37.17	10
2.	Lojing, Gua Musang	2006	72.18	10
3.	Batang Merbau, Tanah Merah	2009	61.00	11
4.	Lojing 2, Gua Musang	2010	201.00	0
<b>JUMLAH</b>			<b>371.35</b>	<b>31</b>

Sumber: JPNK

1.6. Bagi tahun 2019 hingga 2022, JPNK telah meluluskan insentif kepada 159 peserta PPIS dan 212 peserta PPIB yang melibatkan keluasan projek 151.12 ha dan 331.31 ha. Bilangan peserta dan keluasan PPIS dan PPIB mengikut Pejabat Pertanian Jajahan (PPJ) adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Jadual 4**.

**JADUAL 3  
BILANGAN PESERTA DAN KELUASAN PPIS MENGIKUT PPJ  
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022**

BIL.	PPJ	BILANGAN PESERTA DAN LUAS PROJEK MENGIKUT TAHUN									
		2019		2020		2021		2022		JUMLAH	
		BIL.	LUAS (Ha)	BIL.	LUAS (Ha)	BIL.	LUAS (Ha)	BIL.	LUAS (Ha)	BIL.	LUAS (Ha)
1.	Bachok	0	0.00	1	1.00	6	15.28	7	3.75	14	20.03
2.	Gua Musang	1	3.90	4	2.07	2	1.90	4	2.00	11	9.87
3.	Jeli	3	2.45	15	10.0	0	0.00	3	2.55	21	15.00
4.	Lojing*	TB	TB	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00
5.	Kota Bharu	1	1.00	1	0.40	1	0.76	5	2.00	8	4.16
6.	Kuala Krai	3	4.90	1	2.45	1	0.36	2	2.83	7	10.54
7.	Machang	2	1.80	1	1.17	4	4.64	3	2.62	10	10.23
8.	Pasir Mas	6	6.72	3	0.98	10	7.70	6	5.26	25	20.66
9.	Pasir Puteh	2	1.26	2	0.95	1	0.74	13	9.66	18	12.61
10.	Tanah Merah	3	1.70	2	3.00	3	1.32	6	5.33	14	11.35
11.	Tumpat	14	14.06	7	7.00	5	11.20	5	4.41	31	36.67
<b>JUMLAH</b>		<b>35</b>	<b>37.79</b>	<b>37</b>	<b>29.02</b>	<b>33</b>	<b>43.9</b>	<b>54</b>	<b>40.41</b>	<b>159</b>	<b>151.12</b>

Sumber: Buku Kelulusan Butiran Infrastruktur dan Peruntukan Projek Pembangunan Industri Komoditi dan Hiliran

Nota: (\*) - Pengurusan peserta di bawah Pejabat Tanah dan Jajahan Kecil Lojing

TB - Tidak Berkennaan kerana pada tahun 2019 pengurusan masih di bawah PPJ Gua Musang

**JADUAL 4**  
**BILANGAN PESERTA DAN KELUASAN PPIB MENGIKUT PPJ**  
**BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022**

BIL.	PPJ	BILANGAN PESERTA DAN LUAS PROJEK MENGIKUT TAHUN									
		2019		2020		2021		2022		JUMLAH	
		BIL.	LUAS (Ha)	BIL.	LUAS (Ha)	BIL.	LUAS (Ha)	BIL.	LUAS (Ha)	BIL.	LUAS (Ha)
1.	Bachok	2	15.00	2	4.00	13	16.20	4	1.66	21	36.86
2.	Gua Musang	2	1.50	5	4.59	5	3.84	13	25.19	25	35.12
3.	Jeli	6	36.56	6	23.43	20	11.00	8	14.89	40	85.88
4.	Lojing*	TB	TB	0	0.00	0	0.00	1	2.40	1	2.40
5.	Kota Bharu	1	5.00	2	1.05	3	1.70	10	4.65	16	12.40
6.	Kuala Krai	9	13.37	3	4.23	2	2.20	9	15.05	23	34.85
7.	Machang	2	5.40	2	2.93	7	5.93	9	17.19	20	31.45
8.	Pasir Mas	2	2.00	1	2.36	7	7.70	8	9.56	18	21.62
9.	Pasir Puteh	2	1.27	2	4.00	7	10.40	7	9.04	18	24.71
10.	Tanah Merah	3	8.88	1	2.60	4	6.48	4	6.78	12	24.74
11.	Tumpat	7	14.00	4	3.86	5	2.60	2	0.82	18	21.28
<b>JUMLAH</b>		<b>36</b>	<b>102.98</b>	<b>28</b>	<b>53.05</b>	<b>73</b>	<b>68.05</b>	<b>75</b>	<b>107.23</b>	<b>212</b>	<b>331.31</b>

Sumber: Buku Kelulusan Butiran Infrastruktur dan Peruntukan Projek Pembangunan Industri Komoditi dan Hiliran

Nota: (\*) - Pengurusan peserta di bawah Pejabat Tanah dan Jajahan Kecil Lojing

TB - Tidak Berkenna kerana pada tahun 2019 pengurusan masih di bawah PPJ Gua Musang

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada aktiviti penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan di bawah TKPM, PPIS dan PPIB telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri iaitu:

- i. meningkatkan pengeluaran hasil pertanian negeri;
- ii. mempertingkatkan amalan pertanian baik (MyGAP); dan
- iii. penjanaan purata pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan bagi peserta TKPM serta RM2,500 hingga RM5,000 sebulan bagi peserta PPIS dan PPIB.

## 3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti berkaitan penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan di bawah TKPM, PPIS serta PPIB bagi tahun 2019 hingga 2022. Prestasi aktiviti dinilai berdasarkan pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pengurusan aktiviti meliputi peruntukan dan perbelanjaan kewangan, penyelenggaraan rekod pengeluaran hasil tanaman, penyenggaraan lot tanaman, laporan siasatan permohonan dan Surat Aku Janji Pelaksanaan Projek.

3.2. Pengauditan telah dilaksanakan di JPNK dan lima (50%) daripada 10 PPJ serta tiga (75%) daripada empat TKPM. PPJ yang terlibat adalah PPJ Bachok, PPJ Tanah Merah, PPJ Gua Musang, PPJ Pasir Mas dan PPJ Machang. Manakala TKPM yang terlibat adalah TKPM Telong, Bachok; TKPM Batang Merbau, Tanah Merah; dan TKPM Lojing, Gua Musang.

3.3. Semakan fail melibatkan kesemua 31 (100%) peserta TKPM yang masih berkuat kuasa sehingga bulan Disember 2022, 74 (46.5%) daripada 159 peserta PPIS dan 96 (45.3%) daripada 212 peserta PPIB bagi tahun 2019 hingga 2022. Selain itu, lawatan dan soal selidik turut diedarkan kepada 25 (80.6%) peserta TKPM, 22 (29.7%) peserta PPIS dan 26 (27.1%) peserta PPIB. Butiran peratusan sampel pengauditan adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**PERATUSAN SAMPEL PENGAUDITAN**

PROJEK	LOKASI/PPJ	BIL. PESERTA	LAWATAN DAN SOAL SELIDIK	
			BIL. PESERTA	PERATUSAN (%)
TKPM	Telong, Bachok	10	8	80.0
	Batang Merbau, Tanah Merah	11	9	81.8
	Lojing, Gua Musang	10	8	80.0
	<b>JUMLAH</b>	<b>31</b>	<b>25</b>	<b>80.6</b>
PPIS	Bachok	14	4	28.6
	Tanah Merah	14	2	14.3
	Gua Musang	11	5	45.5
	Pasir Mas	25	8	32.0
	Machang	10	3	30.0
	<b>JUMLAH</b>	<b>74</b>	<b>22</b>	<b>29.7</b>
PPIB	Bachok	21	7	33.3
	Tanah Merah	12	7	58.3
	Gua Musang	25	6	24.0
	Pasir Mas	18	5	27.8
	Machang	20	1	5.0
	<b>JUMLAH</b>	<b>96</b>	<b>26</b>	<b>27.1</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>201</b>	<b>73</b>	<b>36.3</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### 4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data pengeluaran.

4.2. Lawatan dan pemeriksaan fizikal Audit bersama pegawai JPNK dan PPJ telah dilaksanakan di tapak TKPM, PPIS dan PPIB. Temu bual bersama pegawai JPNK, PPJ dan peserta yang terlibat juga diadakan. Selain itu, soal selidik turut diedarkan kepada peserta

terpilih bagi mendapatkan maklum balas mengenai tahap kepuasan terhadap pengurusan TKPM, PPIS dan PPIB.

## **5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT**

Pengauditan telah dijalankan bermula pada bulan Januari hingga Mac 2023 di JPNK, lima PPJ dan tiga TKPM. Perkara yang ditemui dan maklum balas daripada JPNK telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 4 September 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

### **5.1. Prestasi Aktiviti Penanaman Sayur-Sayuran dan Buah-buahan**

#### **5.1.1. Pencapaian Output**

##### **5.1.1.1. Pengeluaran Sayur-Sayuran dan Buah-Buahan Terpilih**

- a. Berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pengarah JPNK bagi tahun 2019 hingga 2022, JPNK telah menetapkan pencapaian sasaran pengeluaran 90% bagi sembilan jenis sayur-sayuran terpilih dan 10 jenis buah-buahan terpilih seluruh negeri Kelantan. Memandangkan sasaran yang ditetapkan adalah bagi pengeluaran keseluruhan negeri, pihak Audit menilai pencapaian pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan terpilih dengan membandingkan sasaran yang ditetapkan dengan jumlah pengeluaran kategori Projek dan Luar Projek.
- b. Analisis Audit terhadap pengeluaran bagi sembilan jenis sayur-sayuran terpilih mendapati:
  - i. **Pengeluaran sayur kubis pada tahun 2020 dan tiga jenis sayur pada tahun 2021 mencapai sasaran antara 57.1% hingga 88.2% sahaja.**
  - ii. **Pencapaian pengeluaran sayur bayam pada tahun 2022 adalah 61.3%.**
- c. Analisis Audit selanjutnya mendapati secara keseluruhannya pencapaian pengeluaran sayur-sayuran terpilih bagi tahun 2019, 2020 dan 2022 adalah mencapai sasaran 90% ke atas kecuali pengeluaran tahun 2021 (76.1%). Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 6** dan **Jadual 7**.

**JADUAL 6**  
**PENCAPAIAN PENGELOUARAN SAYUR-SAYURAN TERPILIH**  
**BAGI TAHUN 2019 DAN 2020**

BIL.	JENIS	SASARAN (Mt)	TAHUN 2019				TAHUN 2020				PENCAPAIAN (%)
			PROJEK	LUAR PROJEK	JUMLAH	PENCAPAIAN (%)	SASARAN (Mt)	PROJEK	LUAR PROJEK	JUMLAH	
1.	Bayam	1,200	613	597	1,210	100.8	900	599	637	1,236	137.3
2.	Bendi	2,500	698	2,114	2,812	112.5	2,200	652	2,521	3,173	144.2
3.	Cili	6,000	2,821	4,121	6,942	115.7	5,200	2,372	4,799	7,171	137.9
4.	Kacang Panjang	4,000	901	3,191	4,092	102.3	3,100	839	3,395	4,234	136.6
5.	Kubis	600	44	590	634	105.7	600	9	508	517	86.2
6.	Sawi	3,600	770	2,955	3,725	103.5	3,500	407	3,101	3,508	100.2
7.	Terung	5,500	1,384	4,634	6,018	109.4	5,000	1,283	5,251	6,534	130.7
8.	Timun	12,500	5,459	8,928	14,387	115.1	11,100	5,372	9,946	15,318	138.0
9.	Tomato	75,000	992	73,682	74,674	99.6	70,000	992	66,412	67,404	96.3
<b>JUMLAH</b>		<b>110,900</b>	<b>13,682</b>	<b>100,812</b>	<b>114,494</b>	<b>103.2</b>	<b>101,600</b>	<b>12,525</b>	<b>96,570</b>	<b>109,095</b>	<b>107.4</b>

Sumber: KPI Pengarah JPNK dan Booklet Statistik Tanaman Negeri Kelantan

Nota: Mt - Tan Metrik

**JADUAL 7**  
**PENCAPAIAN PENGELOUARAN SAYUR-SAYURAN TERPILIH**  
**BAGI TAHUN 2021 DAN 2022**

BIL.	JENIS	SASARAN (Mt)	TAHUN 2021				TAHUN 2022				PENCAPAIAN (%)
			PROJEK	LUAR PROJEK	JUMLAH	PENCAPAIAN (%)	SASARAN (Mt)	PROJEK	LUAR PROJEK	JUMLAH	
1.	Bayam	1,400	1,387	731	2,118	151.3	2,075	726	545	1,271	61.3
2.	Bendi	3,198	888	2,581	3,469	108.5	3,764	850	2,711	3,561	94.6
3.	Cili	7,979	2,150	5,385	7,535	94.4	7,989	1,987	6,563	8,550	107.0
4.	Kacang Panjang	4,709	984	3,390	4,374	92.9	4,723	992	3,914	4,906	103.9
5.	Kubis	905	0	517	517	57.1	555	0	536	536	96.6
6.	Sawi	3,875	415	3,121	3,536	91.3	3,819	219	3,310	3,529	92.4
7.	Terung	7,530	1,319	5,325	6,644	88.2	7,149	1,441	5,980	7,421	103.8
8.	Timun	15,238	5,040	10,473	15,513	101.8	16,805	5,438	11,073	16,511	98.3
9.	Tomato	103,903	913	68,597	69,510	66.9	74,862	587	70,119	70,706	94.4
<b>JUMLAH</b>		<b>148,737</b>	<b>13,096</b>	<b>100,120</b>	<b>113,216</b>	<b>76.1</b>	<b>121,741</b>	<b>12,240</b>	<b>104,751</b>	<b>116,991</b>	<b>96.1</b>

Sumber: KPI Pengarah JPNK dan Booklet Statistik Tanaman Negeri Kelantan

Nota: Mt - Tan Metrik

- d. Analisis Audit terhadap pengeluaran bagi 10 jenis buah-buahan terpilih pula mendapatkan:
  - i. **Pengeluaran nangka, belimbing, betik dan tembikai pada tahun 2019 mencapai sasaran antara 26.7% hingga 89.7%.**

- ii. **Pengeluaran buah belimbing dan nenas pada tahun 2020 mencapai sasaran 75% dan 87.1%.**
  - iii. **Pengeluaran jambu batu, betik dan tembikai pada tahun 2021 mencapai sasaran antara 66.7% hingga 84.3%.**
  - iv. **Pengeluaran manggis, durian dan rambutan pada tahun 2022 mencapai sasaran antara 77.6% hingga 88.7%.**
- e. Analisis Audit selanjutnya mendapati secara keseluruhannya pencapaian pengeluaran buah-buahan terpilih bagi tahun 2019 hingga 2022 adalah mencapai sasaran 90% ke atas. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 8** dan **Jadual 9**.

**JADUAL 8**  
**PENCAPAIAN PENGETAHUAN BUAH-BUAHAN TERPILIH**  
**BAGI TAHUN 2019 DAN 2020**

BIL.	JENIS	TAHUN 2019					TAHUN 2020					PENCAPAIAN (%)
		SASARAN (Mt)	PENGELUARAN SEBENAR (Mt)			PENCAPAIAN (%)	SASARAN (Mt)	PENGELUARAN SEBENAR (Mt)				
PROJEK	LUAR PROJEK	JUMLAH	PROJEK	LUAR PROJEK	JUMLAH		PROJEK	LUAR PROJEK	JUMLAH			
1.	Nangka	900	85	692	777	86.3	700	84	871	955	136.4	
2.	Manggis	4,200	180	5,108	5,288	125.9	4,000	102	5,169	5,271	131.8	
3.	Durian	32,000	4,602	30,475	35,077	109.6	28,200	4,370	27,841	32,211	114.2	
4.	Belimbing	15	0	4	4	26.7	4	0	3	3	75.0	
5.	Jambu Batu	30	0	41	41	136.7	40	21	34	55	137.5	
6.	Nenas	3,000	583	2,461	3,044	101.5	3,000	301	2,311	2,612	87.1	
7.	Betik	1,400	43	1,213	1,256	89.7	1,300	29	1,746	1,775	136.5	
8.	Pisang	16,000	2,932	12,164	15,096	94.4	15,000	2,420	14,269	16,689	111.3	
9.	Rambutan	5,000	592	5,202	5,794	115.9	5,000	471	6,056	6,527	130.5	
10.	Tembikai	50,000	14,345	26,438	40,783	81.6	45,000	13,538	28,077	41,615	92.5	
<b>JUMLAH</b>		<b>112,545</b>	<b>23,362</b>	<b>83,798</b>	<b>107,160</b>	<b>95.2</b>	<b>102,244</b>	<b>21,336</b>	<b>86,377</b>	<b>107,713</b>	<b>105.3</b>	

Sumber: KPI Pengarah JPNK dan *Booklet Statistik Tanaman Negeri Kelantan*

Nota: Mt - Tan Metrik

**JADUAL 9**  
**PENCAPAIAN PENGELUARAN BUAH-BUAHAN TERPILIH**  
**BAGI TAHUN 2021 DAN 2022**

BIL.	JENIS	SASARAN (Mt)	TAHUN 2021				TAHUN 2022				PENCAPAIAN (%)
			PROJEK	LUAR PROJEK	JUMLAH	PENGELUARAN SEBENAR (Mt)	PROJEK	LUAR PROJEK	JUMLAH	PENGELUARAN SEBENAR (Mt)	
1.	Nangka	910	105	807	912	100.2	916	97	868	965	105.3
2.	Manggis	5,305	144	4,870	5,014	94.5	5,083	69	3,876	3,945	77.6
3.	Durian	38,672	5,663	36,152	41,815	108.1	40,000	4,219	31,245	35,464	88.7
4.	Belimbing	4	0	5	5	125.0	5	0	5	5	100.0
5.	Jambu Batu	51	0	34	34	66.7	35	1	42	43	122.9
6.	Nenas	4,040	212	4,865	5,077	125.7	3,153	49	5,203	5,252	166.6
7.	Betik	1,463	36	1,197	1,233	84.3	1,248	100	1,695	1,795	143.8
8.	Pisang	17,423	1,848	14,337	16,185	92.9	16,428	1,842	18,338	20,180	122.8
9.	Rambutan	6,297	516	6,410	6,926	110.0	7,021	392	5,547	5,939	84.6
10.	Tembikai	54,701	14,127	25,180	39,307	71.9	43,000	11,505	27,960	39,465	91.8
<b>JUMLAH</b>		<b>128,866</b>	<b>22,651</b>	<b>93,857</b>	<b>116,508</b>	<b>90.4</b>	<b>116,889</b>	<b>18,274</b>	<b>94,779</b>	<b>113,053</b>	<b>96.7</b>

Sumber: KPI Pengarah JPNK dan Booklet Statistik Tanaman Negeri Kelantan

Nota: Mt - Tan Metrik

f. Semakan lanjut Audit mendapati pengeluaran beberapa jenis sayur-sayuran dan buah-buahan terpilih yang tidak mencapai sasaran adalah selari dengan trend pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan yang menurun dari tahun 2019 hingga 2022 seperti berikut:

**i. Trend penurunan pengeluaran sayur-sayuran**

- Analisis Audit terhadap trend pengeluaran sayur-sayuran bagi tahun 2019 hingga 2022 mendapati jumlah pengeluaran tertinggi yang dihasilkan adalah pada tahun 2019 iaitu sebanyak 18,214 tan metrik. **Pada tahun 2020, jumlah pengeluaran telah menurun sebanyak 7.4% (1,341 tan metrik) kepada 16,873 tan metrik.** Bagaimanapun, pengeluaran kembali meningkat sebanyak 1.1% (180 tan metrik) kepada 17,053 tan metrik pada tahun 2021. **Pengeluaran pada tahun 2022 pula telah menurun sebanyak 6.3% (1,074 tan metrik) kepada 15,979 tan metrik.** Maklumat lanjut trend pengeluaran sayur-sayuran seperti dalam **Jadual 10** dan **Carta 1**.

**JADUAL 10**  
**PENGELUARAN TANAMAN SAYUR-SAYURAN**  
**BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022**

BIL.	PPJ	BILANGAN PESERTA DAN JUMLAH PENGELUARAN SAYUR-SAYURAN									
		TAHUN 2019		TAHUN 2020		TAHUN 2021		TAHUN 2022		JUMLAH	
		BIL. PESERTA	PENGELUARAN (Mt)	BIL. PESERTA	PENGELUARAN (Mt)	BIL. PESERTA	PENGELUARAN (Mt)	BIL. PESERTA	PENGELUARAN (Mt)	BIL. PESERTA	PENGELUARAN (Mt)
1.	Bachok	291	4,476	288	4,349	300	3,735	335	4,174	1,214	16,734
2.	Gua Musang	35	1,822	18	439	36	425	33	590	122	3,276
3.	Jeli	40	396	38	300	33	243	38	258	149	1,197
4.	Lojing*	TB	TB	10	1,511	10	1,525	10	1,356	30	4,392
5.	Kota Bharu	61	1,529	69	1,812	66	1,691	68	1,600	264	6,632
6.	Kuala Krai	24	546	27	579	27	483	24	431	102	2,039
7.	Machang	43	670	37	340	32	429	36	425	148	1,864
8.	Pasir Mas	37	668	32	684	38	681	59	1,008	166	3,041
9.	Pasir Puteh	155	2,795	104	2,476	104	1,272	20	236	383	6,779
10.	Tanah Merah	46	388	37	562	49	940	68	1,364	200	3,254
11.	Tumpat	348	4,924	307	3,821	311	5,629	278	4,537	1,244	18,911
<b>JUMLAH</b>		<b>1,080</b>	<b>18,214</b>	<b>967</b>	<b>16,873</b>	<b>1,006</b>	<b>17,053</b>	<b>969</b>	<b>15,979</b>	<b>4,022</b>	<b>68,119</b>


Sumber: Sistem Maklumat Agris Geoportal dan Booklet Statistik Tanaman Negeri Kelantan

Nota: Mt - Tan Metrik

TB - Tidak Berkenaan kerana pada tahun 2019 pengurusan masih di bawah PPJ Gua Musang

(\*) - Pengurusan peserta di bawah Pejabat Tanah dan Jajahan Kecil Lojing

**CARTA 1**  
**TREND PENGELUARAN TANAMAN SAYUR-SAYURAN**  
**BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022**



Sumber: Sistem Maklumat Agris Geoportal dan Booklet Statistik Tanaman Negeri Kelantan

## ii. Trend penurunan pengeluaran buah-buahan

- Analisis Audit terhadap trend pengeluaran buah-buahan bagi tahun 2019 hingga 2022 pula mendapati jumlah pengeluaran pada tahun 2019 merupakan jumlah tertinggi yang dihasilkan iaitu sebanyak 28,356 tan metrik. **Pada tahun 2020, jumlah pengeluaran tersebut telah**

menurun sebanyak **10.6% (3,009 tan metrik)** kepada **25,347 tan metrik** dan kembali meningkat sebanyak 3.8% (973 tan metrik) kepada 26,320 tan metrik pada tahun 2021. **Pada tahun 2022, jumlah pengeluaran buah-buahan telah menurun sebanyak 20.5% (5,402 tan metrik)** kepada **20,918 tan metrik**. Maklumat lanjut trend pengeluaran buah-buahan seperti dalam **Jadual 11** dan **Carta 2**.

**JADUAL 11**  
**PENGELUARAN TANAMAN BUAH-BUAHAN BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022**

BIL.	PPJ	BILANGAN PESERTA DAN JUMLAH PENGELUARAN BUAH-BUAHAN									
		TAHUN 2019		TAHUN 2020		TAHUN 2021		TAHUN 2022		JUMLAH	
BIL. PESERTA	PENGELUARAN (Mt)	BIL. PESERTA	PENGELUARAN (Mt)	BIL. PESERTA	PENGELUARAN (Mt)	BIL. PESERTA	PENGELUARAN (Mt)	BIL. PESERTA	PENGELUARAN (Mt)	BIL. PESERTA	PENGELUARAN (Mt)
1. Bachok	162	4,561	201	4,580	191	4,565	212	4,405	766	18,111	
2. Gua Musang	138	1,195	105	1,249	159	1,779	119	1,700	521	5,923	
3. Jeli	208	3,562	225	3,421	214	2,891	197	2,244	844	12,118	
4. Lojing*	TB	TB	0	0	0	0	0	0	0	0	
5. Kota Bharu	124	3,116	154	2,976	144	3,445	146	2,995	568	12,532	
6. Kuala Krai	383	4,826	368	4,135	370	4,017	313	3,451	1,434	16,429	
7. Machang	24	1,035	25	962	29	640	35	650	113	3,287	
8. Pasir Mas	77	1,571	58	1,290	34	1,254	20	1,220	189	5,335	
9. Pasir Puteh	176	5,126	179	4,552	129	4,381	51	1,630	535	15,689	
10. Tanah Merah	239	2,347	124	1,443	279	2,376	176	2,011	818	8,177	
11. Tumpat	76	1,017	73	739	71	972	48	612	268	3,340	
<b>JUMLAH</b>	<b>1,607</b>	<b>28,356</b>	<b>1,512</b>	<b>25,347</b>	<b>1,620</b>	<b>26,320</b>	<b>1,317</b>	<b>20,918</b>	<b>6,056</b>	<b>100,941</b>	


Sumber: Sistem Maklumat Agris Geoportal dan Booklet Statistik Tanaman Negeri Kelantan

Nota: Mt - Tan Metrik

TB - Tidak Berkenaan kerana pada tahun 2019 pengurusan masih di bawah PPJ Gua Musang

(\*) - Pengurusan peserta di bawah Pejabat Tanah dan Jajahan Kecil Lojing

**CARTA 2**  
**TREND PENGELUARAN TANAMAN BUAH-BUAHAN BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022**



Sumber: Sistem Maklumat Agris Geoportal dan Booklet Statistik Tanaman Negeri Kelantan

g. Berdasarkan semakan Audit, faktor berlakunya penurunan dalam pengeluaran hasil tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan adalah disebabkan perkara seperti berikut:

**i. Tempoh pengambilan peserta TKPM mengambil masa yang lama**

- Semakan Audit terhadap proses pengambilan peserta dari tahun 2019 hingga 2022 mendapati **tempoh pengambilan empat peserta baharu di TKPM Batang Merbau, Tanah Merah bagi menggantikan peserta yang telah ditamatkan penyertaan mengambil masa antara 236 hari hingga selama 678 hari.** Selain itu, sehingga tarikh akhir pagauditian terdapat **dua lot tanaman masih kosong kerana tiada pengambilan baharu dibuat** bagi menggantikan kekosongan peserta yang telah ditamatkan penyertaan pada tahun 2019 dan 2021. **Tempoh kekosongan dua lot tanaman tersebut adalah selama 685 hari dan 1,286 hari.** Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 12.**

**JADUAL 12**  
**TEMPOH PENGAMBILAN PESERTA TKPM BATANG MERBAU, TANAH MERAH**

BIL.	NO. LOT PETAK	TARIKH PENAMATAN PESERTA LAMA	TARIKH TAWARAN PESERTA BAHRU	TEMPOH PENGAMBILAN/ (TEMPOH KEKOSONGAN) (HARI)
1.	SPH 41-50	22.09.2019	Belum Diisi	(1,286)*
2.	SPH 61-72	15.05.2021	Belum Diisi	(685)*
3.	SPH 73-84	22.09.2019	13.12.2020	447
4.	SPH 91-102	22.09.2019	13.09.2020	356
5.	SPH 103-114	14.10.2021	08.06.2022	236
6.	SPH 175-186	22.09.2019	01.08.2021	678

Sumber: PPJ dan Fail Peserta TKPM

Nota: (\*) - sehingga 31 Mac 2023

**ii. Kerosakan tanaman disebabkan banjir**

- Berdasarkan portal rasmi eBanjir Negeri Kelantan, banjir pada tahun 2022 telah berlaku sebanyak dua kali iaitu pada bulan Februari dan bulan Disember 2022. Kejadian banjir ini telah mengakibatkan seluas 337.87 hektar tanaman rosak dan seterusnya menjelaskan pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan.

## **Maklum Balas JPNK pada 17 Ogos 2023**

Pencapaian pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan terpilih tidak mencapai sasaran 90% ke atas dan trend pengeluaran yang menurun disebabkan perkara seperti berikut:

- a. pemilihan jenis tanaman yang diusahakan oleh petani tidak dikawal sepenuhnya oleh JPNK kerana tanah tersebut adalah tanah hak milik petani. Selain itu, pemilihan tanaman juga bergantung kepada permintaan pasaran semasa antara petani dan pemberong;
- b. penggiliran dan pertukaran jenis tanaman juga diamalkan bagi mengurangkan penularan makhluk perosak dan penyakit tanaman serta membantu proses pemulihan tanah;
- c. musim kemarau yang berlaku pada tahun 2019 telah menjelaskan sumber air bagi kegunaan pertanian sekali gus memberi kesan kepada pengeluaran hasil tanaman;
- d. faktor pelaksanaan PKP semasa pandemik Covid-19 antara tahun 2020 hingga 2022 mengakibatkan rantaian aktiviti pertanian tidak dapat dijalankan seperti aktiviti pengairan, pembajaan, pengawalan penyakit/perosak menyebabkan tanaman rosak/mati terutama tanaman jangka pendek;
- e. faktor hujan yang berterusan serta banjir pada tahun 2022 menyebabkan pengeluaran tanaman bayam di jajahan Tumpat seluas 3.2 ha terjejas. Selain itu, hujan yang berterusan juga telah menjelaskan proses pendebungaan buah-buahan bermusim. Sepanjang tahun 2022, JPNK telah mengadakan mesyuarat bencana sebanyak 10 kali berbanding kebiasaan iaitu hanya sekali hingga tiga kali sahaja. Berdasarkan siasatan yang telah dilakukan oleh JPNK, kemusnahan/kerosakan tanaman akibat banjir melibatkan seramai 655 orang petani dengan keluasan 337.87 ha;
- f. penanaman buah tembikai, jambu batu dan betik di Machang yang melibatkan keluasan keseluruhan 37.2 ha telah dihentikan disebabkan faktor pembinaan jalan dan pembangunan pondok moden yang mengakibatkan pengeluaran hasil tanaman berkurang;
- g. penanaman integrasi antara tembikai dan sawit seluas 30 ha di Gua Musang telah dihentikan kerana umur tanaman sawit telah mencapai tiga tahun;

- h. sasaran tahun 2021 yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia bagi tanaman kubis, tomato dan terung adalah terlalu tinggi berbanding sasaran tahun sebelumnya. Keadaan ini menyebabkan pencapaian sasaran pengeluaran 90% ke atas tidak tercapai. Bagaimanapun, sasaran bagi tiga jenis sayuran tersebut telah diturunkan kembali pada tahun 2022 dan hasilnya JPNK telah mencapai sasaran pengeluaran 90% ke atas;
- i. Pengambilan peserta baharu TKPM mengambil masa yang lama disebabkan JPNK membuat tapisan awal sebelum temu duga bagi mengatasi masalah peserta yang sering menarik diri selepas permohonan diluluskan. Selain itu, kerosakan Struktur Pelindung Hujan (SPH) yang berlaku juga menyebabkan proses pengambilan peserta baharu ditangguhkan sehingga pembaikan selesai dilaksanakan. Tempoh pandemik Covid-19 juga menyukarkan Jabatan untuk membuat pengambilan peserta dan bagi mengelakkan kerugian kepada peserta terutamanya kepada peserta baharu; dan
- j. Kekosongan dua peserta di TKPM Batang Merbau, Tanah Merah telah dibuat pengisian pada 6 Julai 2023.

**Pendapat Audit** | Secara keseluruhannya, pencapaian output pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan terpilih semakin meningkat kecuali beberapa jenis sayur-sayuran dan buah-buahan terpilih yang tidak mencapai sasaran 90% ke atas.

#### 5.1.1.2. Pensijilan MyGAP

- a. MyGAP merupakan satu skim pensijilan yang dirangka oleh Jabatan Pertanian pada tahun 2002 untuk memberi pengiktirafan kepada ladang-ladang yang mengamalkan amalan pertanian baik. Antara objektif pensijilan MyGAP adalah memastikan hasil ladang yang selamat serta berkualiti, meningkatkan produktiviti pengeluaran dan meningkatkan peluang untuk ke pasaran eksport. Salah satu objektif TKPM, PPIS dan PPIB adalah mempertingkatkan amalan pertanian baik dikalangan peserta melalui pensijilan MyGAP.
- b. Analisis Audit mendapati pencapaian peserta TKPM yang telah memperolehi pensijilan MyGAP adalah 80.6% (25 peserta) manakala pencapaian **peserta**

**PPIS dan PPIB yang telah memperolehi pensijilan MyGAP hanya 24.1% (41 peserta).** Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 13.**

**JADUAL 13**  
**PENCAPAIAN PENSIJILAN MYGAP PESERTA TKPM, PPIS DAN PPIB**  
**SETAKAT BULAN DISEMBER TAHUN 2022**

PROJEK	LOKASI / PPJ	BIL. PESERTA	TELAH PEROLEH		BELUM PEROLEH	
			BIL.	(%)	BIL.	(%)
TKPM	Telong, Bachok	10	5	50.0	5	50.0
	Batang Merbau, Tanah Merah	11	10	90.9	1	9.1
	Lojing, Gua Musang	10	10	100.0	0	0.0
<b>JUMLAH</b>		<b>31</b>	<b>25</b>	<b>80.6</b>	<b>6</b>	<b>19.4</b>
PPIS dan PPIB	Bachok	35	16	45.7	19	54.3
	Tanah Merah	26	2	7.7	24	92.3
	Gua Musang	36	13	36.1	23	63.9
	Pasir Mas	43	7	16.3	36	83.7
	Machang	30	3	10.0	27	90.0
<b>JUMLAH</b>		<b>170</b>	<b>41</b>	<b>24.1</b>	<b>129</b>	<b>75.9</b>

Sumber: Fail Peserta dan Senarai Penerima MyGAP

- c. Pencapaian pensijilan MyGAP peserta tidak tercapai sepenuhnya adalah disebabkan enam peserta TKPM baru menyertai projek dan belum mengeluarkan hasil tanaman pertama. Selain itu, faktor JPNK tidak mewajibkan peserta PPIS dan PPIB untuk mendapatkan pensijilan MyGAP juga mengakibatkan pencapaian pensijilan MyGAP tidak tercapai.
- d. Tanaman yang tidak mendapat pensijilan MyGAP akan menyebabkan hasil tanaman yang dikeluarkan tidak dapat dijamin selamat dan berkualiti. Selain itu, peluang tanaman tersebut untuk dieksport juga adalah terbatas sekali gus tidak dapat meningkatkan pendapatan peserta.

### Maklum Balas JPNK pada 17 Ogos 2023 dan 20 September 2023

Jabatan Pertanian amat menggalakkan penyertaan pensijilan MyGAP bagi setiap petani yang berdaftar di bawah Jabatan Pertanian. Galakan dan nasihat secara berterusan berkenaan MyGAP kepada para petani selalu diberikan bagi mengeluarkan makanan yang selamat dan berkualiti.

Pencapaian sasaran pensijilan MyGAP di JPNK bagi tahun 2019 hingga 2022 adalah antara 64.5% hingga 158% berbanding sasaran yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, JPNK telah mencapai peratus pensijilan MyGAP melebihi sasaran pensijilan dan antara negeri yang berada di kedudukan kelima teratas berbanding negeri-negeri lain.

Lima peserta TKPM Telong, Bachok telah memohon pensijilan MyGAP dan akan dipersijilkan dalam mesyuarat bilangan 4 tahun 2023 pada hujung bulan Ogos 2023, manakala seorang peserta lagi akan diproses permohonan pada tahun 2023.

Permohonan persijilan MyGAP bagi peserta PPIB terutamanya yang melibatkan tanaman bermusim seperti durian akan dibuat permohonan oleh petani setelah tuaian hasil dibuat. Tempoh tuaian bagi buah seperti durian mengambil masa antara empat hingga lima tahun selepas penanaman.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Pencapaian pensijilan MyGAP peserta adalah tidak memuaskan. Ketiadaan syarat yang mewajibkan pensijilan MyGAP kepada peserta PPIS dan PPIB telah menyebabkan peratus peserta yang mendapat pensijilan MyGAP masih rendah.</b>
-----------------------	--

### **5.1.2. Pencapaian Keberhasilan**

Pihak Audit menilai pencapaian keberhasilan terhadap peserta TKPM, PPIS dan PPIB bagi tahun 2019 hingga 2022 yang masih berkuat kuasa sehingga tarikh pengauditan. Penilaian dibuat dari aspek pencapaian pendapatan peserta dan maklum balas daripada kajian kepuasan pelanggan.

#### **5.1.2.1. Pendapatan Peserta**

- a. Salah satu objektif TKPM, PPIS dan PPIB adalah untuk membangunkan usahawan yang berdaya maju serta mampu menjana pendapatan yang baik. TKPM menetapkan sasaran purata pendapatan bersih peserta adalah sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan. Sasaran purata pendapatan bersih peserta PPIS dan PPIB pula adalah antara RM2,500 hingga RM5,000 sebulan. Maklumat purata pendapatan bersih sebulan setiap peserta TKPM, PPIS dan PPIB diperoleh daripada laporan pengeluaran dalam sistem maklumat Agris Geoportal.
- b. Analisis Audit mendapati pencapaian pendapatan **peserta TKPM yang memperoleh purata pendapatan bersih melebihi RM3,000 sebulan bagi tahun 2019 hingga 2022 adalah antara 64.5% hingga 83.3%**. Peserta yang memperoleh purata pendapatan bersih di bawah RM3,000 sebulan bagi tempoh yang sama pula adalah antara 8.3% hingga 29%. Peserta

yang tidak dapat dinilai purata pendapatan bersih disebabkan tiada maklumat pengeluaran dalam sistem maklumat Agris Geoportal adalah antara 5.6% hingga 25%. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14**  
**PENCAPAIAN PENDAPATAN PESERTA TKPM**  
**BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022**

TAHUN	TKPM	BIL. PESERTA	MELEBIHI RM3,000 SEBULAN		KURANG RM3,000 SEBULAN		TIADA MAKLUMAT PENGELUARAN	
			BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)
2019	Telong, Bachok	2	1	50.0	-	-	1	50.0
	Batang Merbau, Tanah Merah	7	4	57.1	3	42.9	-	-
	Lojing, Gua Musang	9	9	100.0	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>18</b>	<b>14</b>	<b>77.8</b>	<b>3</b>	<b>16.7</b>	<b>1</b>	<b>5.6</b>
2020	Telong, Bachok	5	1	20.0	1	20.0	3	60.0
	Batang Merbau, Tanah Merah	10	6	60.0	1	10.0	3	30.0
	Lojing, Gua Musang	9	9	100.00	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>24</b>	<b>16</b>	<b>66.7</b>	<b>2</b>	<b>8.3</b>	<b>6</b>	<b>25.0</b>
2021	Telong, Bachok	5	5	100.0	-	-	-	-
	Batang Merbau, Tanah Merah	10	7	70.0	3	30.0	-	-
	Lojing, Gua Musang	9	8	88.9	1	11.1	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>24</b>	<b>20</b>	<b>83.3</b>	<b>4</b>	<b>16.7</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
2022	Telong, Bachok	10	6	60.0	3	30.0	1	10.0
	Batang Merbau, Tanah Merah	11	6	54.5	4	36.4	1	9.1
	Lojing, Gua Musang	10	8	80.0	2	20.0	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>31</b>	<b>20</b>	<b>64.5</b>	<b>9</b>	<b>29.0</b>	<b>2</b>	<b>6.5</b>

Sumber: Sistem Maklumat Agris Geoportal

- c. Analisis Audit terhadap peserta PPIS dan PPIB pula mendapat **peserta yang memperoleh purata pendapatan bersih melebihi RM2,500 sebulan bagi tahun 2019 hingga 2022 adalah antara 2.2% hingga 10.4%**.

Peserta yang memperoleh purata pendapatan bersih di bawah RM2,500 sebulan pula adalah antara 9.4% hingga 17.9%. Peserta yang tidak dapat dinilai purata pendapatan bersih disebabkan tiada maklumat pengeluaran dalam sistem maklumat Agris Geoportal adalah antara 71.7% hingga 82.2%. Maklumat lanjut prestasi pendapatan peserta PPIS dan PPIB seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**  
**PENCAPAIAN PENDAPATAN PESERTA PPIS DAN PPIB**  
**BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022**

TAHUN	PPJ	BIL. PESERTA	MELEBIHI RM2,500 SEBULAN		KURANG RM2,500 SEBULAN		TIADA MAKLUMAT PENGELUARAN	
			BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)
2019	Bachok	2	-	-	-	-	2	100.0
	Tanah Merah	6	-	-	3	50.0	3	50.0
	Gua Musang	3	1	33.3	-	-	2	66.7
	Pasir Mas	8	-	-	-	-	8	100.0
	Machang	4	1	25.0	-	-	3	75.0
<b>JUMLAH</b>		<b>23</b>	<b>2</b>	<b>8.7</b>	<b>3</b>	<b>13.0</b>	<b>18</b>	<b>78.3</b>
2020	Bachok	5	-	-	1	20.0	4	80.0
	Tanah Merah	9	-	-	3	33.3	6	66.7
	Gua Musang	12	1	8.3	-	-	11	91.7
	Pasir Mas	12	-	-	-	-	12	100.0
	Machang	7	-	-	3	42.9	4	57.1
<b>JUMLAH</b>		<b>45</b>	<b>1</b>	<b>2.2</b>	<b>7</b>	<b>15.6</b>	<b>37</b>	<b>82.2</b>
2021	Bachok	24	-	-	3	12.5	21	87.5
	Tanah Merah	16	5	31.2	3	18.8	8	50.0
	Gua Musang	19	2	10.5	9	47.4	8	42.1
	Pasir Mas	29	1	3.4	-	-	28	96.6
	Machang	18	3	16.7	4	22.2	11	61.1
<b>JUMLAH</b>		<b>106</b>	<b>11</b>	<b>10.4</b>	<b>19</b>	<b>17.9</b>	<b>76</b>	<b>71.7</b>
2022	Bachok	35	-	-	2	5.7	33	94.3
	Tanah Merah	26	8	30.7	6	23.1	12	46.2
	Gua Musang	36	6	16.7	4	11.1	26	72.2
	Pasir Mas	43	-	-	-	-	43	100.0
	Machang	30	1	3.4	4	13.3	25	83.3
<b>JUMLAH</b>		<b>170</b>	<b>15</b>	<b>8.8</b>	<b>16</b>	<b>9.4</b>	<b>139</b>	<b>81.8</b>

Sumber: Sistem Maklumat Agris Geoportal

- d. Faktor pencapaian purata pendapatan bersih sebulan tidak dapat mencapai sasaran yang ditetapkan adalah disebabkan jumlah pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan yang menurun dari tahun 2019 hingga 2022. Selain itu faktor harga pasaran yang berubah juga memberi kesan kepada pendapatan peserta.

### Maklum Balas JPNK pada 17 Ogos 2023

Sasaran untuk mencapai pendapatan sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan bagi peserta TKPM tidak tercapai disebabkan faktor seperti berikut:

- a. seramai 10 peserta TKPM bagi tahun 2019 hingga 2022 telah menarik diri/diberhentikan kerana telah melanggar syarat perjanjian yang ditetapkan;
- b. seramai enam peserta baharu yang menggantikan peserta lama memerlukan masa bagi menampung pusingan modal antara tiga hingga empat musim penanaman bagi memperolehi pendapatan bersih RM3,000 sebulan;

- c. peserta menyertai TKPM pada pertengahan dan hujung tahun menyebabkan tanaman belum dapat mengeluarkan hasil pada tahun berkenaan;
- d. kesihatan dua peserta yang terjejas menyebabkan penanaman tidak dapat dibuat dan peserta menarik diri sebelum mengeluarkan hasil tanaman; dan
- e. pergerakan harga pasaran yang berlaku juga menjelaskan purata pendapatan peserta.

Bagi projek PPIS dan PPIB, JPNK telah mencapai sasaran pendapatan sekurang-kurangnya RM2,500 sebulan sebanyak 11.6 % hingga 28.3% bagi tahun 2019 hingga 2022. Sasaran tidak tercapai sepenuhnya disebabkan pengeluaran hasil terutamanya PPIB mengambil masa sekurang-kurang selama satu hingga empat tahun tempoh penanaman.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Pencapaian keberhasilan pendapatan peserta adalah tidak memuaskan. Faktor tanaman yang tiada hasil pengeluaran menyebabkan sasaran pendapatan peserta tidak tercapai.</b>
-----------------------	--

#### **5.1.2.2. Kajian Kepuasan Pelanggan**

- a. Pihak Audit telah mengedarkan soal selidik kepada 73 (36.3%) responden daripada 201 peserta yang melibatkan 25 peserta TKPM serta 48 peserta PPIS dan PPIB. Soal selidik dijalankan bagi mengukur tahap kepuasan terhadap perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh JPNK bagi membantu peserta dalam aktiviti penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan. Tahap kepuasan tersebut merangkumi indikator seperti berikut:
  - i. tempoh kelulusan permohonan menyertai projek;
  - ii. kualiti tapak tanaman;
  - iii. keselamatan tapak tanaman;
  - iv. kekerapan pemantauan oleh JPNK; dan
  - v. tindakan terhadap aduan oleh JPNK.
- b. Berdasarkan maklum balas kajian kepuasan pelanggan yang dijalankan ke atas peserta TKPM, bilangan peserta yang memberikan skala baik bagi semua indikator adalah antara 23 (92%) hingga 25 (100%) peserta. Dua (8%) peserta memberikan skala memuaskan bagi indikator kualiti tapak tanaman dan

keselamatan tapak tanaman manakala satu (4%) peserta memberikan skala memuaskan terhadap indikator tindakan terhadap aduan.

- c. Bagi peserta PPIS dan PPIB pula, bilangan peserta yang memberikan skala baik terhadap indikator tempoh kelulusan permohonan menyertai projek, kekerapan pemantauan dan tindakan terhadap aduan adalah 42 (87.5%) hingga 46 (95.8%) peserta manakala dua (4.2%) hingga enam (12.5%) peserta memberikan skala memuaskan. Terdapat satu (2.1%) peserta memberikan skala tidak memuaskan terhadap tempoh kelulusan permohonan menyertai projek.
- d. Ringkasan analisis maklum balas kajian kepuasan pelanggan bagi peserta TKPM, PPIS dan PPIB adalah seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16**  
**RINGKASAN ANALISIS MAKLUM BALAS KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN**

PROJEK	TAHAP KEPUASAN PELANGGAN	INDIKATOR				
		A	B	C	D	E
TKPM	Baik	25	23	23	25	24
	Memuaskan	0	2	2	0	1
	Tidak Memuaskan	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>25</b>	<b>25</b>	<b>25</b>	<b>25</b>	<b>25</b>
PPIS dan PPIB	Baik	43	TB	TB	42	46
	Memuaskan	4	TB	TB	6	2
	Tidak Memuaskan	1	TB	TB	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>48</b>	<b>TB</b>	<b>TB</b>	<b>48</b>	<b>48</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: TB - Tidak berkenaan kerana indikator kualiti tapak tanaman dan keselamatan tapak tanaman hanya diukur untuk TKPM sahaja

A	Tempoh Kelulusan Permohonan Menyertai Projek
C	Keselamatan Tapak Tanaman
E	Tindakan Terhadap Aduan

B	Kualiti Tapak Tanaman
D	Kekerapan Pemantauan

- e. Peserta TKPM, PPIS dan PPIB juga telah mencadangkan agar tindakan penambahbaikan dalam pengurusan projek seperti berikut:

i. TKPM

- menyediakan bantuan input pertanian secara berterusan;
- menambah lot tanaman dalam bentuk SPH; dan
- membaiki plastik SPH yang rosak.

ii. PPIS dan PPIB

- menambah bantuan insentif input pertanian kepada peserta;
- bantuan jentera untuk pertanian; dan
- bantuan menaiktaraf laluan masuk ke tapak projek.

**Pendapat Audit** | **Secara keseluruhannya, maklum balas soal selidik pihak Audit berkaitan pengurusan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh JPNK bagi projek TKPM, PPIS dan PPIB adalah baik.**

## 5.2. Pengurusan Aktiviti Tanaman Sayur-Sayuran dan Buah-buahan

### 5.2.1. Peruntukan dan Perbelanjaan Kewangan

- Bagi tahun 2019 hingga 2022, JPNK telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM0.96 juta bagi menjalankan TKPM serta sejumlah RM0.80 juta dan RM1.23 juta peruntukan daripada Kerajaan Negeri bagi menjalankan PPIS dan PPIB. Prestasi perbelanjaan keseluruhan TKPM, PPIS dan PPIB adalah 99.9%, 98.4% dan 98.6% seperti dalam **Jadual 17**.

**JADUAL 17**  
**PRESTASI PERBELANJAAN**  
**TKPM, PPIS DAN PPIB BAGI TAHUN 2019 HINGGA TAHUN 2022**

BIL.	PROJEK	TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI (%)	
1.	TKPM	2019	60,000	59,520	99.2	
		2020	200,000	199,999	99.9	
		2021	200,000	199,998	99.9	
		2022	500,000	500,000	100.0	
<b>JUMLAH</b>			<b>960,000</b>	<b>959,517</b>	<b>99.9</b>	
2.	PPIS	2019	100,000	96,674	96.7	
		2020	100,000	94,866	94.9	
		2021	200,000	196,581	98.3	
		2022	400,000	399,158	99.8	
<b>JUMLAH</b>			<b>800,000</b>	<b>787,279</b>	<b>98.4</b>	
3.	PPIB	2019	240,000	230,733	96.1	
		2020	240,000	232,652	96.9	
		2021	250,000	249,059	99.6	
		2022	500,000	499,997	99.9	
<b>JUMLAH</b>			<b>1,230,000</b>	<b>1,212,441</b>	<b>98.6</b>	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>2,990,000</b>	<b>2,959,237</b>	<b>99.0</b>	

Sumber: Laporan Peruntukan dan Perbelanjaan

- Perbelanjaan peruntukan TKPM adalah bagi pembangunan infrastruktur ladang seperti jalan (jalan masuk dan jalan ladang), sistem perparitan dan saliran, sistem pengairan utama, pusat pengumpulan hasil, bekalan elektrik, bekalan air, struktur pelindung hujan dan kemudahan peralatan dan mekanisasi.

- c. Perbelanjaan peruntukan PPIS dan PPIB pula melibatkan bantuan insentif yang diberikan bagi membantu peserta dari segi aspek pembersihan dan penyediaan kawasan, pembinaan dan menaiktaraf infrastruktur asas, penyediaan sistem pengairan dan saliran, perkhidmatan kawalan musuh dan penyakit tanaman, kemudahan input pertanian dan peralatan.

**Pendapat Audit** | **Prestasi perbelanjaan projek TKPM, PPIS dan PPIB adalah baik. Peruntukan yang disalurkan telah dibelanjakan hampir sepenuhnya.**

### 5.2.2. Pengurusan TKPM

#### 5.2.2.1. Penyelenggaraan Rekod Pengeluaran Hasil Tanaman

Berdasarkan Garis Panduan Pembangunan TKPM, JPNK perlu mengisi data pengeluaran aktiviti tanaman secara berterusan melalui sistem maklumat Agris Geoportal.

##### a. Data Pengeluaran Tidak Direkodkan Dalam Sistem Maklumat Agris Geoportal

- i. Semakan Audit terhadap rekod pengeluaran di TKPM Telong, Bachok mendapati **sebanyak 281 tan metrik pengeluaran tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan bagi tujuh peserta tidak direkodkan dalam sistem maklumat Agris Geoportal bagi tahun 2020 dan 2021.** Maklumat lanjut pengeluaran seperti dalam **Jadual 18.**

**JADUAL 18**  
**DATA PENGELUARAN PESERTA TKPM TELONG, BACHOK**  
**TIDAK DIREKODKAN DALAM SISTEM MAKLUMAT AGRIS GEOPORTAL**

TAHUN	BIL. PESERTA	PENGELUARAN (Mt)
2020	2	104
2021	5	177
<b>JUMLAH</b>	<b>7</b>	<b>281</b>

Sumber: Rekod Pengeluaran Peserta

Nota: Mt - Tan Metrik

- ii. Pihak Audit dimaklumkan oleh PPJ Bachok bahawa data tersebut tidak direkodkan dalam sistem maklumat Agris Geoportal disebabkan kekangan pergerakan kakitangan akibat pelaksanaan PKP semasa pandemik Covid-19.

### b. Data Pengeluaran Terlebih Rekod

- i. Semakan Audit terhadap rekod pengeluaran di TKPM Lojing, Gua Musang dan Laporan Hasil Pengeluaran dalam Sistem Maklumat Agris Geoportal bagi tahun 2019 hingga 2022 mendapati **sebanyak 1,519 tan metrik pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan telah terlebih rekod dalam sistem maklumat Agris Geoportal** seperti dalam **Jadual 19.**

**JADUAL 19  
DATA PENGELUARAN TANAMAN TERLEBIH REKOD  
DI TKPM LOJING, GUA MUSANG BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022**

BIL.	TAHUN	BIL. PESERTA	JUMLAH PENGELUARAN (Mt)		TERLEBIH REKOD (Mt)
			REKOD LADANG	SISTEM MAKLUMAT AGRIS GEOPORTAL	
1.	2019	10	1,265	1,419	154
2.	2020	10	927	1,511	584
3.	2021	10	1,269	1,525	256
4.	2022	10	831	1,356	525
<b>JUMLAH</b>			<b>4,292</b>	<b>5,811</b>	<b>1,519</b>

Sumber: Sistem Maklumat Agris Geoportal dan rekod pengeluaran di ladang

Nota: Mt -Tan Metrik

- ii. Keadaan ini berlaku disebabkan pemantauan oleh JPNK secara berkala terhadap rekod pengeluaran di ladang tidak dibuat.
- c. Data yang tidak tepat memberi kesan kepada trend pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan serta pencapaian sasaran pendapatan peserta.

### Maklum Balas JPNK pada 17 Ogos 2023 dan 20 September 2023

Peserta TKPM telah membuat pengisian data hasil pengeluaran secara manual namun disebabkan faktor kekangan masa, tenaga kerja dan pencapaian internet semasa pandemik Covid-19 menyebabkan penyelia tidak dapat membuat pengisian dalam sistem.

Data tahun semasa bagi terlebih atau terkurang tidak boleh lagi dikemaskini di dalam sistem maklumat Agris Geoportal selepas tarikh tutup pengisian data yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pertanian Malaysia yang kebiasaannya pada hujung bulan Januari tahun berikutnya.

Pihak JPNK akan membuat penyelarasan data secara manual sebelum membuat pengisian data hasil dalam sistem maklumat Agris Geoportal berdasarkan data sebenar di lapangan supaya tidak berlaku lebihan dan pengurangan data.

Bagi tujuan penambahbaikan untuk memastikan kemasukan data yang tepat, laporan bulanan prestasi pengisian maklumat tanaman Agris Geoportal dihantar kepada semua PPJ bagi menyemak dan mengemaskini laporan Agris Geoportal.

Laporan Agris Geoportal juga dibentang secara bulanan dalam mesyuarat tertinggi jabatan (Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan JPNK).

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Penyelenggaran data pengeluaran hasil tanaman adalah tidak memuaskan. Data yang tidak direkodkan dan dikemaskini menyebabkan pengeluaran hasil sebenar yang dilaporkan tidak tepat.</b>
-----------------------	--

### **5.2.2.2. Penyenggaraan Lot Tanaman**

#### **a. Kerosakan Struktur Pelindung Hujan (SPH)**

- i. Perbelanjaan peruntukan projek TKPM yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan adalah bagi pembangunan infrastruktur tanaman. Salah satu komponen pembangunan TKPM yang disediakan oleh JPNK adalah SPH yang merupakan teknologi penanaman terkini bagi pengeluaran sayur-sayuran bernilai tinggi yang bertujuan melindungi tanaman daripada hujan lebat, pancaran cahaya matahari yang terik, kawalan penyakit, serangga dan rumpai.
- ii. Lawatan fizikal Audit mendapati **sebanyak 91 (46%) daripada 198 unit SPH di TKPM Batang Merbau, Tanah Merah yang mengalami kerosakan plastik SPH belum dibaiki.** Sebanyak 80 daripada 91 unit SPH yang rosak tersebut melibatkan lapan peserta yang sedang mengusahakan tanaman dan baki 11 unit SPH yang rosak masih belum dibuat pengisian peserta. Maklumat kerosakan SPH seperti dalam **Jadual 20** dan **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.

**JADUAL 20**  
**KEROSAKAN SPH DI BATANG MERBAU, TANAH MERAH**

<b>BIL.</b>	<b>NO. SPH</b>	<b>BIL. PESERTA</b>	<b>STATUS SPH</b>		<b>JUMLAH SPH (UNIT)</b>
			<b>BAIK (UNIT)</b>	<b>ROSAK (UNIT)</b>	
1.	1-20	1	20	0	20
2.	21-40	1	0	20	20
3.	41-50	Tiada peserta	0	10	10
4.	51-60	1	0	10	10
5.	61-72	Tiada peserta	11	1	12
6.	73-84	1	12	0	12
7.	85-90	Demonstrasi*	6	0	6
8.	91-102 175-186	1	17	7	24
9.	103-114	1	12	0	12
10.	115-126	1	11	1	12
11.	127-150	1	5	19	24
12.	151-162	1	1	11	12
13.	163-174	1	6	6	12
14.	187-198	1	6	6	12
<b>JUMLAH</b>		<b>11</b>	<b>107</b>	<b>91</b>	<b>198</b>

Sumber: TKPM Batang Merbau, Tanah Merah

Nota: (\*) - Lot tanaman demonstrasi adalah bagi kegunaan latihan kepada peserta

**GAMBAR 1**



TKPM Batang Merbau, Tanah Merah  
- Kerosakan SPH di Lot Tanaman  
(18.01.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2**



TKPM Batang Merbau, Tanah Merah  
- Kerosakan SPH di Lot Tanaman  
(18.01.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 3**



TKPM Batang Merbau, Tanah Merah  
- Kerosakan SPH di Lot Tanaman  
(18.01.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 4**



TKPM Batang Merbau, Tanah Merah  
- Kerosakan SPH di Lot Tanaman  
(18.01.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Pihak Audit dimaklumkan oleh PPJ Tanah Merah bahawa, kerosakan SPH di TKPM Batang Merbau, Tanah Merah berlaku disebabkan faktor cuaca panas

dan kawasan laluan angin. Kerosakan SPH yang tidak dibaiki telah menyebabkan pengeluaran hasil tanaman sayur-sayuran di TKPM Batang Merbau, Tanah Merah menurun sebanyak 24 tan metrik pada tahun 2022. Bagi lot tanaman yang tiada peserta pula, kerosakan SPH yang tidak dibaiki segera menyebabkan pengambilan peserta baharu tidak dapat dibuat bagi mengisi kekosongan tersebut.

### b. Penyenggaraan Kebersihan Kawasan Projek

- i. Berdasarkan Garis Panduan Pembangunan TKPM, peserta adalah bertanggungjawab memastikan kebersihan dan kawalan sumber musuh tanaman di kawasan projek serta kawasan di sekelilingnya. Peserta bertanggungjawab untuk menjalankan kerja pemotongan rumput di kawasan projek dan sekeliling.
- ii. Lawatan fizikal Audit ke tapak TKPM Batang Merbau, Tanah Merah mendapati penyenggaraan kebersihan di kawasan projek bagi **tiga unit SPH tidak disenggarakan dengan baik oleh peserta sehingga ditumbuhinya rumput** seperti dalam **Gambar 5 hingga 8**.

**GAMBAR 5**



TKPM Batang Merbau, Tanah Merah  
- Penyenggaraan Kebersihan Tidak Dibuat  
(18.01.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 6**



TKPM Batang Merbau, Tanah Merah  
- Penyenggaraan Kebersihan Tidak Dibuat  
(18.01.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 7**



TKPM Batang Merbau, Tanah Merah  
- Penyenggaraan Kebersihan Tidak Dibuat  
(18.01.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 8**



TKPM Batang Merbau, Tanah Merah  
- Penyenggaraan Kebersihan Tidak Dibuat  
(18.01.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Keadaan ini berlaku disebabkan kurangnya pemantauan oleh pegawai yang ditugaskan di tapak TKPM. Kebersihan yang tidak dijaga menjadi punca kepada pemberian musuh tanaman dan menjadikan tanaman.

### **Maklum Balas JPNK pada 17 Ogos 2023**

Sebanyak RM97,000 telah diperuntukkan untuk membaik pulih SPH Fasa 1 dan Fasa 3 di TKPM Batang Merbau, Tanah Merah yang melibatkan sebanyak 55 SPH. Proses baik pulih SPH bermula pada Mac 2023. Baki 36 SPH akan dibaik pulih pada tahun 2024 bergantung kepada peruntukan yang akan diterima. JPNK juga telah mengeluarkan surat arahan kepada peserta untuk melakukan kerja penyenggaraan kebersihan kawasan SPH pada 19 Januari 2023 dan penyenggaraan telah selesai dilaksanakan pada 24 Januari 2023.

**Pendapat Audit** | **Penyenggaraan lot tanaman adalah tidak memuaskan dari segi penyenggaraan SPH yang rosak dan kebersihan lot tanaman.**

#### **5.2.3. Pengurusan PPIS dan PPIB**

##### **5.2.3.1. Laporan Siasatan Permohonan Tidak Lengkap**

- a. Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pembangunan JPNK menetapkan Agen Pengembangan Kawasan di PPJ akan membuat siasatan dan laporan pengesyoran berkaitan daya maju projek selepas permohonan yang lengkap diterima. Laporan siasatan dan pengesyoran merangkumi jenis projek pembangunan dan insentif yang dicadangkan serta jangkaan hasil mengikut kesesuaian kawasan serta teknologi yang akan digunakan.
- b. Semakan Audit terhadap kesemua 170 fail peserta PPIS dan PPIB di lima PPJ bagi tahun 2019 hingga 2022 mendapati siasatan terhadap permohonan telah dibuat sebagaimana garis panduan. Pengesyoran jenis projek pembangunan dan butiran insentif yang dicadangkan juga telah disediakan dalam bentuk Format A Cadangan. Kandungan Format A Cadangan merangkumi nama peserta, keluasan tanah, jenis tanaman, insentif yang diperlukan dan jumlah peruntukan. Bagaimanapun, **jangkaan hasil mengikut kesesuaian kawasan tidak disediakan bagi setiap peserta.** Maklumat lanjut bilangan peserta mengikut PPJ seperti dalam **Jadual 21.**

**JADUAL 21**  
**JANGKAAN HASIL PESERTA PPIS DAN PPIB**  
**TIDAK DISEDIAKAN BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022**

BIL.	PPJ	BILANGAN PESERTA	LUAS (Ha)
1.	Bachok	35	56.89
2.	Tanah Merah	26	36.09
3.	Gua Musang	36	44.99
4.	Pasir Mas	43	42.28
5.	Machang	30	41.68
<b>JUMLAH</b>		<b>170</b>	<b>221.93</b>

Sumber: Fail Peserta

- c. Jangkaan hasil setiap peserta tidak disediakan kerana pihak JPNK tidak menetapkan sasaran pengeluaran secara khusus bagi peserta PPIS dan PPIB. Keadaan ini mengakibatkan prestasi pencapaian pengeluaran hasil tanaman setiap peserta tidak dapat diukur.

### **Maklum Balas JPNK pada 17 Ogos 2023**

Walaupun sasaran setiap peserta tidak ditetapkan, potensi hasil setiap peserta berdasarkan keluasan dan jenis tanaman telah dinyatakan dalam sistem maklumat Agris Geoportal.

JPNK juga meletakkan sasaran atau jangkaan hasil pengeluaran bagi setiap tanaman secara menyeluruh dan sasaran hasil tahunan akan diagihkan mengikut jajahan berdasarkan jenis tanaman di jajahan tersebut.

**Pendapat Audit** | **Sasaran atau jangkaan hasil yang tidak ditetapkan bagi setiap peserta menyebabkan prestasi peserta tidak dapat diukur.**

#### **5.2.3.2. Surat Aku Janji Pelaksanaan Projek Tidak Disediakan**

- a. Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pembangunan JPNK menetapkan pemohon yang berjaya perlu menandatangani Surat Aku Janji Pelaksanaan Projek yang mengandungi akuan penerimaan mesin/peralatan, kewajipan peserta menjalankan projek, hak JPNK mengambil balik peralatan sekiranya disalahguna dan rekod urusniaga yang perlu diselenggarakan oleh peserta. Selain itu, Surat Aku Janji tersebut memberikan hak kepada JPNK untuk meneliti dan memeriksa rekod yang diselenggara oleh peserta bagi tujuan pemantauan dan penilaian projek.

- b. Semakan Audit terhadap kesemua 170 fail peserta PPIS dan PPIB di lima PPJ bagi tahun 2019 hingga 2022 mendapati **Surat Aku Janji Pelaksanaan Projek bagi 143 (84.1%) peserta tidak disediakan sebagaimana kehendak Garis Panduan**. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 22**.

**JADUAL 22**  
**SURAT AKU JANJI PELAKSANAAN PROJEK PESERTA PPIS DAN PPIB**  
**TIDAK DISEDIAKAN BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022**

<b>BIL.</b>	<b>PPJ</b>	<b>BIL. PESERTA</b>	<b>SURAT AKU JANJI PELAKSANAAN PROJEK</b>	
			<b>ADA</b>	<b>TIADA</b>
1.	Bachok	35	0	35
2.	Tanah Merah	26	0	26
3.	Gua Musang	36	0	36
4.	Pasir Mas	43	0	43
5.	Machang	30	27	3
<b>JUMLAH</b>		<b>170</b>	<b>27</b>	<b>143</b>

Sumber: Fail Peserta

- c. Surat Aku Janji Pelaksanaan Projek tidak ditandatangani disebabkan PPJ telah menggunakan Borang Perjanjian Pinjaman Aset dan Peralatan yang dikhatusukan bagi peserta projek Industri Asas Tani. Bagaimanapun, kandungan borang tersebut tidak mengandungi terma berkaitan kewajipan melaksanakan projek, menyelenggarakan rekod urusniaga dan hak JPNK untuk memeriksa rekod tersebut.
- d. Surat Aku Janji Pelaksanaan Projek yang tidak ditandatangani mengakibatkan peserta tidak terikat kepada terma dan kewajipan untuk melaksanakan projek dan membuat pengeluaran hasil tanaman walaupun telah menerima insentif daripada JPNK.

### **Maklum Balas JPNK pada 17 Ogos 2023**

JPNK akan memastikan setiap peserta yang mendapat insentif daripada jabatan menandatangani Surat Aku Janji sebagaimana kehendak Garis Panduan. JPNK telah menyediakan Surat Aku Janji bagi semua peserta PPIS dan PPIB bagi tahun 2019 hingga 2022.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Surat Aku Janji Pelaksanaan Projek yang tidak disediakan menyebabkan peserta tidak terikat dengan komitmen melaksanakan aktiviti penanaman dan membuat pengeluaran hasil tanaman.</b>
-----------------------	--

## **6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan dari segi pencapaian output dan keberhasilan tidak dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat kerana pencapaian pengeluaran empat sayur-sayuran dan sembilan buah-buah terpilih tidak mencapai sasaran 90% ke atas dan pensijilan MyGAP yang masih rendah. Sasaran untuk peserta mendapatkan purata pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 bagi TKPM dan RM2,500 sebulan bagi PPIS dan PPIB juga tidak tercapai. Bagi pengurusan aktiviti pula, terdapat kelemahan dari segi penyelenggaraan rekod pengeluaran hasil tanaman, penyenggaraan lot tanaman, laporan siasatan permohonan yang tidak lengkap dan Surat Aku Janji Pelaksanaan Projek yang tidak disediakan.

## **7. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan objektif aktiviti dapat dicapai, adalah disyorkan pihak terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

- 7.1. JPNK perlu memastikan rekod pengeluaran hasil tanaman direkodkan dengan tepat dalam sistem maklumat Agris Geoportal;
- 7.2. pemberian SPH yang rosak dan penyenggaraan kebersihan lot tanaman perlu dilaksanakan dengan baik agar peserta dapat menjalankan aktiviti penanaman dengan lebih optimum;
- 7.3. JPNK perlu memastikan laporan siasatan permohonan disediakan dengan lengkap merangkumi jangkaan hasil setiap peserta; dan
- 7.4. JPNK perlu memastikan semua peserta menandatangani Surat Aku Janji Pelaksanaan Projek bagi PPIS dan PPIB.